

## **Malaysia's Relations with Saudi Arabia in Smaller States' Organisations: The Case of the OIC**

### **ABSTRACT**

Tidak dapat dinafikan bahawa negara-negara kecil ataupun negara-negara yang sedang membangun, terutamanya di rantau Asia, Afrika dan Amerika Latin, berhadapan dengan cabaran di pentas politik antarabangsa. Cabaran tersebut adalah pelbagai, sama ada berbentuk persaingan antara Amerika Syarikat dan bekas Soviet Union semasa era Perang Dingin, jurang perbezaan ekonomi antara negara maju dan negara mundur, pertentangan fahaman antara agama dan ideologi sekular, dan lain-lain lagi. Untuk menghadapi semua cabaran ini, negara-negara kecil bersatupadu membentuk beberapa buah organisasi yang dianggap mampu menjaga kepentingan mereka di dalam sistem politik antarabangsa. Ini termasuklah Non-Aligned Movement, Group of 77 dan Pertubuhan Islam Sedunia (OIC). Dengan tertubuhnya organisasi negara-negara kecil ini juga adalah diharapkan hubungan antara mereka bertambah erat dan makmur. Bagi menganalisis persoalan ini, kami akan lebih memfokus bagaimana keahlian Malaysia dan Arab Saudi dalam Pertubuhan Islam Sedunia (OIC) berupaya menjaga kepentingan kedua-dua buah negara dan juga sejauhmana keanggotaan tersebut telah meningkatkan lagi hubungan antara mereka di pentas politik antarabangsa.